

Sasar 10,000 usahawan industri asas tani menjelang 2010 - PM Pelan tindakan dilancar

Oleh AZNAN BAKAR dan YUSRISAHAT

S I K 17 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan pelan tindakan program pembangunan usahawan Industri Asas Tani (IAT) nasional bagi mengubah taraf petani luar bandar ke peringkat yang lebih tinggi.

Pelan itu yang berpaksikan lima teras bagi memajukan sektor pertanian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), meletakkan sasaran untuk melahirkan 10,000 usahawan industri asas tani menjelang 2010 dengan pendapatan bersih minimum RM2,000 sebulan.

"Mengapa saya sibuk dengan IAT... kerana kalau tidak ada IAT, tidak ada pemprosesan, tidak ada kilang," katanya di hadapan ribuan penduduk Sik pada majlis pelancaran yang berlangsung di Bandar Bani Beris Jaya dekat sini.

Abdullah berkata, beliau mahu sektor pertanian diperkasakan dan sentiasa diberi nafas baru untuk kepentingan rakyat terutama di kawasan luar bandar.

"Saya tak mahu sektor pertanian tradisional disamakan dengan sektor untuk orang miskin," katanya.

Menurutnya, ada penduduk kampung yang bekerja di kilang dan mereka kekal di tahap itu tanpa mencarijalan untuk menjadi pengusaha kilang.

"(Yang) jadi pengusaha kilang adalah mereka yang ada modal besar," katanya.

Perdana Menteri berkata masyarakat luar bandar yang kini berpeluang menerima bimbingan pelbagai pihak termasuk jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh menjadi pengusaha dan mendirikan kilang.

Dengan mendirikan kilang, beliau berkata, peluang pekerjaan untuk anak-anak mereka dapat diwujudkan.

Bercakap pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran itu, Abdullah berkata, menjelang tahun tersebut dijangka program itu akan dilaksanakan di semua daerah di seluruh negara.

Katanya, walaupun Sik merupakan daerah pertama dilaksanakan program itu namun terdapat juga beberapa daerah lain yang telah mula melaksanakannya.

Sambungan dari muka 1

Pelan tindakan dilancar

"Sehingga kini pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menerima 6,000 permohonan untuk menyertai program ini.

"Bagaimanapun hanya 2,000 sahaja yang mampu diambil oleh pihak kementerian ekoran kemampuan latihan yang terhad," katanya di sini.

Selain itu kata Abdullah, pelan itu juga menetapkan sasaran meningkatkan kualiti produk ke tahap global yang menepati pensijilan antarabangsa bagi sekurang-kurangnya 20 peratus usahawan tani yang dibangunkan.

Ia selari dengan dasar meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan selain membasmi kemiskinan di luar bandar melalui penghasilan peluang pekerjaan hasil pe-

laksanaan program pembangunan itu.

Bagi mencapai tujuan itu, kerajaan akan menyediakan sokongan melalui pembangunan infrastruktur termasuk peralatan dan rnesin, sokongan pembiayaan sama ada melalui geran atau pinjaman serta pembangunan produk melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kawalan mutu.

Di samping itu, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga akan melaksanakan pendekatan pembangunan usahawan melalui latihan teknikal selain membantu dari segi penjenamaan, promosi dan pemasaran supaya ia mencapai standard antarabangsa.

Dengan itu melalui pelan tindakan tersebut

ia bukan sahaja untuk melahirkan usahawan dalam industri asas tani di luar bandar tetapi juga memastikan produk yang dihasilkan mampu menembusi pasaran global.

Sehubungan itu kata Abdullah, beliau telah mengarahkan kemampuan latihan itu ditingkatkan supaya dapat menampung permintaan golongan petani yang ingin menyertai program tersebut.

Dari segi pembiayaan pula katanya, kerajaan telah menubuhkan Bank SME untuk memberi pinjaman kepada mereka yang menyertai program tersebut selain Bank Simpanan Nasional (BSN) yang telah diberi kebenaran untuk menyediakan pembiayaan kepada usahawan terbabit.